

BAB TIGA

BAB KETIGA

PENGAJIAN AL-QUR'AN DI SEKOLAH MENENGAH AGAMA

3.1 Pendahuluan

Sekolah-sekolah Menengah Agama yang moden, seperti yang didirikan oleh Tuan Guru Haji Abdul Rahman bin Haji Abdul Latif, iaitu Madrasah al-Rahmaniah, pelajaran al-Qur'an diajar secara lebih sistematik. Murid-muridnya diajar membaca huruf-huruf *Hija'iyyah* pada papan tulis dan dilatih menyebutkan ayat-ayat suci itu dengan hafalan dan bacaan yang baik. Kini berbagai usaha dipertingkatkan dan cuba mendapatkan kitab-kitab pelajaran al-Qur'an dengan sistem yang lebih berkesan.

Adapun pengajian al-Qur'an disekolah-sekolah Agama berlaku dalam dua bentuk iaitu belajar membaca semata-semata dan belajar dalam bentuk satu mata pelajaran tafsir al-Qur'an. Selain daripada itu, pengajian al-Qur'an tadi tidak seperti pengajian tradisi kepada al-Qur'an di institusi-institusi tradisional dimana setiap pelajar dikehendaki belajar sehingga khatam al-Qur'an.

Di Sekolah-sekolah agama ini juga dipelajari mata pelajaran dan pengetahuan umum. Pelbagai ilmu agama yang lain turut diajar, mulai daripada pengetahuan membaca dan menulis huruf Arab, membaca dan memahamiisi al-Qur'an, ilmu kalam, tafsir, hadith fekah, tarikh dan sebagainya. Tambahan lagi usaha kini makin bertambah gigih untuk meningkatkan kedudukan sekolah agama agar setanding dengan sekolah kerajaan.

Di samping pembaharuan dan kemajuan darisegi sistem pengajian, pengajaran dan kurikulum. Sekarang ini peruntukan masa untuk pengajian al-Qur'an semakin berkekurangan.

Didapati pengajian al-Qur'an yang telah dilaksanakan di dalam sistem Sekolah Agama, hari ini hanya sekitar lima jam seminggu seperti yang terkandung di dalam kurikulum 15(2). Sedangkan suatu ketika dahulu, pengajian al-Qur'an adalah menjadi pelajaran asas dan asal bagi sistem pondok, di mana murid-murid belajar al-Qur'an sepenuh masa. Namun setelah pelaksanaan kurikulum yang diiktiraf oleh Kementerian Pendidikan Negara ini 15(2) dan kurikulum bersepadu 15(1). Kedudukan pengajian al-Qur'an mulai berkurangan masa dalam bahagian pengajian agama. Pengajian al-Qur'an itu sengaja dibahagikan kepada empat mata pelajaran iaitu *tilawah al-Qur'ān*, tajwid, tafsir dan *usūl al-tafsir*. Manakala guru al-Qur'an itu pula mempunyai kelulusan yang berlainan dan terdapat setengah daripada mereka itu tidak berkemahiran dan tidak mendalmi dalam ilmu-ilmu al-Qur'an.

Di samping itu pengajian al-Qur'an di sekolah-sekolah agama di Patani adalah lebih baik kerana dititik berat juga dalam bidang tafsir, walaupun tidak lengkap sebuah al-Qur'an. Manakala guru-guru al-Qur'an pula diharapkan dapat memberi ulasan yang panjang lebar, dan menghubungkaitkan dengan perkembangan semasa dalam masyarakat. Pengajian seperti ini dapat meningkatkan pelajar-pelajar kepada sumber ilmu yang berkaitan dengan kefahaman al-Qur'an dalam bentuk kenyataan dan berkaitan dengan apa yang berlaku di dalam masyarakat. Sementara itu, sekolah-sekolah agama itu juga mengadakan penghafalan ayat-ayat al-Qur'an kerana dianggap bahawa menghafal

al-Qur'an adalah besar pahalanya , begitu juga orang yang mempelajari dan mengajar al-Qur'an adalah sebaik-baik manusia⁹⁶.

Maka jelaslah jika lalu dibandingkan dengan pengajian al-Qur'an dalam sistem tradisional, dimana sistemnya dari segi sukanan pelajaran ialah untuk mengkhatamkan kitab yang telah dikhususkan tanpa memberi ulasan dan tanpa mengaitkan dengan masalah-masalah perkembangan semasa dalam masyarakat. Walaupun sistem tradisional memakan masa yang lama, sepatutnya keilmuan dalam tafsir al-Qur'an itu diperbanyak dengan membuat pemilihan kitab tafsir yang sesuai akan dapat menimbulkan ikatan perkembangan ilmu dan tuntutan masyarakat kerana kepentingan pengajian tafsir ini adalah untuk menghidupkan tradisi keilmuan. Sesungguhnya cara ini adalah lebih tepat dengan cara pengajaran Rasulullah s.a.w. yang patut dicontohi. Rasullullah s.a.w. pernah mengajar bacaan al-Qur'an sahaja tanpa mentafsirkan ayat-ayatnya, namun demikian orang-orang Arab dapat memahami al-Qur'an itu kerana bahasa al-Qur'an adalah bahasa Arab.. Oleh itu untuk mengetahui kandungan al-Qur'an, mereka perlu mempelajari tafsir. Ini merupakan keistimewaan sistem persekolahan dimana mata pelajaran tafsir disediakan dan sekaligus menjadi mata pelajaran yang diwajibkan di sekolah-sekolah agama⁹⁷.

⁹⁶Wawancara dengan Tuan Guru Hj Abdul Rahman bin Abdul Latif Chapakiya (Pengasas Madrasah al-Rahmaniah) pada 13.10.2001.

⁹⁷*Ibid.*

Kurikulum Pengajian Agama Tahun 2523/1980

Peringkat Ibtidai'

Pelajaran	Seminggu/Setahun			
	1 Ib	2 Ib	3 Ib	4 Ib
1. Agama				
1.1 al-Qur'an	5 atau 8	5 atau 8	4 atau 7	4 atau 7
1.2 aktiviti agama	4	4	4	4
1.3 Tauhid	3	2	2	2
1.4 Fikah	3	2	2	2
1.5 Tafsir	-	-	1	1
2. Bahasa				
2.1 Bahasa Arab				
2.1.1 Nahu	-	1	2	2
2.1.2 Saraf	-	1	1	1
2.1.3 Mutala'ah	2	2	2	2
2.1.4 Imla'	2	2	1	1
2.1.5 Rancana	-	1	1	1
2.1.6 Muhādathah	3	2	2	2
2.1.7 Khat	1	1	1	1
2.1.8 Sastera	-	-	1	1
2.2 Bahasa Malaysia atau al-Qur'an	3 atau	3 atau	3 atau	3 atau
3. Pengajian Sosial				
3.1 Tarikh Islam	2	2	2	2
3.2 Akhlak	2	2	1	1
Total	30	30	30	30

Ib : Ibtidai'

Sumber rujukan : Kementerian Pendidikan Negara, Bangkok, 1981

Kurikulum Pengajian Agama Tahun 2523 /1980

Peringkat Mutawassit

Pelajaran	Seminggu /Tahun		
	1 Mu	2 Mu	3 Mu
1. Agama			
1.1 al-Qur'an	2 atau 5	2 atau 5	2 atau 5
1.2 <i>Tafsir</i>	2	2	2
1.3 Hadith	2	2	2
1.4 Tauhid	2	2	2
1.5 Fikah	2	2	2
1.6 <i>Farād</i>	1	1	1
2 Bahasa			
2.1 Bahasa Arab			
2.1.1 Nahu	4	4	4
2.1.2 Muthala'ah	2	2	2
2.1.3 Insya'	2	2	2
2.1.4 Sastera	1	1	1
2.1.5 <i>Balāghah</i>	-	-	-
2.1.6 Khat	1	-	-
2.1.7 Imla'	1	1	1
2.1.8 Muhādathah	2	2	2
2.2 Bahasa Malaysia atau al-Qur'an	3 atau 0	3 atau 0	3 atau 0
3 Pengajian Islam			
3.1 Tarikh Islam			
3.2 Akhlak			
	2 1	2 1	2 1
Total	30	30	30

Mu : Mutawassit

Sumber Rujukan : Kementerian Pendidikan Negara ,Bangkok ,1981.

Kurikulum Pengajian Agama Tahun 2523/1980

Peringkat Thanawi

Pelajaran	Minggu / tahun					
	1TH		2TH		3TH	
	Wa	Pi	Wa	Pi	Wa	Pi
1. Agama						
1.1 al-Qur'an	4 atau 2	-	4 atau 2	-	3 atau 2	-
1.2 al-Hadith	2	2	2	2	2	-
1.3 Fikah	2	6	2	8	2	7
1.4 Falsafah	1	3	-	4	-	5
2. Bahasa						
2.1 Bahasa Arab	6	10	4	10	4	10
2.2 Bahasa Malaysia	-	2	-	2	-	2
2.3 Bahasa Inggeris	-	2	-	2	3	2
3. Ilmu Sosial	2	5	2	8		8
Total	17/15	13/15	14/12	16/18	14/13	16/17
	30		30		30	

TH : Thanawi

Wa : Wajib

Pi : Pilihan

Sumber Rujukan : Kementerian Pendidikan Bangkok, 1981

Kurikulum Bersepadu Tahun 2535/1992

Pelajaran	Minggu							
	(Kelas 7) 1 MU		Pi	(Kelas 8) 2 MU		Pi	(Kelas 9) 3 MU	
	Wa	E		Wa	E		Wa	E
A	E		A	E		A	E	
1. Bahasa								
1.1 Bahasa Thai	4	-		4	-		4	-
1.2 Bahasa asing	-	-		-	-		-	-
2 Sains -matematik								
2.1 Sains	3	-		3	-		3	-
2.3 Matematik	3	-		3	-		3	-
3 Ilmu Sosial	2	2		2	2		3	2
4 Pendidikan								
4.1 Pendidikan kesihatan dan jasmani	1	2		1	2		1	2
4.2 Pendidikan seni.	1	-	10	1	-	10	1	-
5. Pendidikan kerjaya	-	2		-	2		-	2
5.1 Kerjaya	-	-		-	-		-	-
5.2 Professional	-	-		-	-		-	-
6. Agama								
1.1 Agama								
1.2 Asas bahasa Arab	12	-		12	-		12	-
1.3 Nahu	4	-		4	-		4	-
1.4 Bahasa tempatan	-	-		-	-		-	-
	2	-		2	-		-	-
Total	32	6	10	32	6	10	29	6
	48		48		48		48	

Wa= Wajib E = Elektif

A = Asas Pi = Pilihan

Sumber Rujukan : Kementerian Pendidikan Bangkok, 1992

Kurikulum Bersepadu Tahun 2535 / 1992 (Sambungan)

Aktiviti				
1. Aktiviti-aktiviti mengikut Kementerian Pendidikan berkenaan dengan aktiviti -aktiviti di dalam institusi di bawahnya.				
1.1 Boy skout- Girl Guide atau aktiviti-aktiviti yang berfaedah	1	1	1	
1.2 Aktiviti-aktiviti lain	1	1	1	
2. Aktiviti-aktiviti keagamaan	2	2	2	
3. Aktiviti-aktiviti kounseling atau problem solving atau aktiviti-aktiviti untuk memartabatkan pembelajaran dan pencapaian	1	1	1	
4. Aktiviti-aktiviti bebas bagi pelajar untuk memilih bentuknya	1	1	1	
Total	6	6	6	
	54	54	54	

Wa = Wajib E = Elektif

A = Asas (kore) Pi = Pilihan

Sumber Rujukan : Kementerian Pendidikan Bangkok, 1992.

3.2 MADRASAH AL-RAHMANIAH

3.2.1 Latar Belakang Sejarah

Madrasah al-Rahmaniah adalah salah sebuah Sekolah Agama Rakyat yang terletak di kampung Celom, Mukim Pujud, Daerah Muang, Wilayah Pattani, Selatan Thai. Sekolah ini telah diasaskan oleh Tuan Guru Haji Abdul Rahman bin Haji Abdul Latif Chapakiya pada tahun 1380 H./ 1960 M. Pada mulanya ia diasaskan atas nama Madrasah al-Rahmaniah, kemudian ditukarkan kepada bahasa Thai dengan nama : *Bamrung Islam* (*Rongrian Bamrung Islam*) ia mempunyai dua aliran pengajian iaitu aliran agama dan aliran akademik. Selain daripada itu, terdapat pengajian terbuka pada setiap pagi Sabtu dan bahagian tafsir al-Qur'an di samping bahagian vokasional ⁹⁸.

3.2.2 Tujuan Penubuhan Madrasah al-Rahmaniah

Antara tujuan madrasah ini ditubuhkan adalah seperti berikut;

1. Menanam akidah Islam yang betul
2. Mengajar ilmu-ilmu Islam yang benar
3. Mendidik generasi berdasarkan didikan Islam yang mulia
4. Menyebarluaskan bahasa Arab sebagai bahasa al-Qur'an, di samping bahasa-bahasa lain.
5. Mengajar ilmu-ilmu yang diperlukan dalam kehidupan.
6. Melahirkan golongan pelajar yang sanggup memikul amanah dakwah Islam.⁹⁹

⁹⁸ *Buku Panduan Ringkas Madrasah al-Rahmaniah*, (1997), Patani, Sahabat press. Thailand, h.1.

⁹⁹ *Laporan Penilaian kualiti dan martabat sekolah; Madrasah al-Rahmaniah*, (2001), Patani, (t.t.p) h.5.

3.2.3 Bentuk-bentuk Pengajian di Madrasah al-Rahmaniah.

Bentuk-bentuk pengajian di Madrasah al-Rahmaniah boleh dibahagikan kepada beberapa bahagian seperti berikut;

1. Bahagian Tahfiz al-Qur'an al-Karim
2. Bahagian pelajaran agama
3. Bahagian pelajaran akademik
4. Bahagian Pengajian Majlis Ilmi
5. Bahagian Pengajian Vokasional
6. Bahagian Pengajian kitab *turāth*¹⁰⁰

3.2.3.1 Bahagian Tahfiz al-Qur'an

Bahagian ini dikhususkan kepada pelajar –pelajar yang tidak mengikuti pelajaran aliran akademik bermula hafazan dari juzuk pertama al-Qur'an hingga kejuzuk akhirnya. Adapun pengajian al-Qur'an secara *tilawah* diadakan pada setiap pagi selepas solat Subuh dan setiap malam selepas solat Isyak di Masjid *Ibād al- Rahmān* untuk pelajar lelaki dan di *Masjid al-Rahmaniah* untuk pelajar-pelajar perempuan.

¹⁰⁰*Buku Panduan Ringkas Madrasah al-Rahmaniah*, (1997), op.cit , h. 6.

3.2.3.2 Bahagian pelajaran agama

Tahap	Tahun	Bahasa Pengantar	Masa belajar
Ibtidai'	1 - 4	Bahasa Arab dan bahasa Melayu tempatan	8.00 pagi - 12.00 tengah hari
Mutawassit	1 - 3		
Thanawi'	1 - 3		
Pengajian Umum	Tiap-tiap hari		

3.2.3.3 Bahagian pelajaran Akademik

Terbahagi kepada dua tahap ¹⁰¹:

Tingkatan	Masa belajar/ Tahun	Program	Bahasa pengantar	Masa belajar
1 - 3	3	Bahasa Inggeris dan Pertanian /Sains dan Matematik	Bahasa Thai dan Bahasa Inggeris	Mulai jam 1.00 tengah hari selepas solat Zohor hingga 4.40 petang
4 - 6	3	Bahasa Inggeris dan Ilmu Sosial /Sain dan Matematik		

¹⁰¹Wawancara Ustaz Che Useng Capakia (Penolong Kanan Guru Besar ,Madrasah al-Rahmaniah) pada 13.10.2001.

3.2.3.4 Bahagian Majlis Ilmi

Majlis Ilmi adalah bentuk pengajian terbuka kepada setiap golongan masyarakat Islam setempat, iaitu tumpuan kepada pengajian tafsir dan hadis semasa. Pengajian ini bermula pada jam 8.30 pagi hingga 10.30 pagi di *Masjid Ibād al-Rahman*, bersebelahan dengan Madrasah al-Rahmaniah.

3.2.3.5 Pengajian Kitab *Turath*

Bagi Pelajar-pelajar yang tinggal di asrama disediakan pengajian kitab *turāth* selepas solat Maghrib, Isyak, Subuh dan pada masa-masa yang ditentukan. Mata pelajarannya seperti: Tafsir al-Qur'an, hadis, tauhid, fekah, tasawuf, nahu, saraf, bahasa Arab, kisah para Nabi, sejarah para sahabat dan sebagainya.¹⁰²

3.2.4 KURIKULUM SEKOLAH AGAMA MADRASAH AL-RAHMANIAH

Madrasah al-Rahmaniah menyediakan dua aliran pengajian seperti yang telah disebutkan iaitu aliran agama dan aliran akademik (*Sassana* dan *saman*). dalam masa yang berlainan. Sebelah pagi ditentukan untuk aliran agama, sementara petang untuk aliran akademik. Sebahagian pelajar ada yang mengikuti aliran agama sehaja dan sebahagian yang lain ada yang mengikuti kedua-dua aliran sekaligus.

Kurikulum pelajaran agama adalah berdasarkan daripada dua sumber utama iaitu: (1) Persatuan Sekolah-sekolah Agama Rakyat (2) Jabatan Pendidikan Bahagian Dua (*Khet Kan Seksa Song*) di bawah Kementerian Pendidikan. Kurikulum tersebut mula berkuatkuasa pada tahun 1967 / 2510 B, setelah Kementerian Pendidikan mewajibkan setiap Sekolah Agama Rakyat menerima kurikulum yang diiktiraf oleh kerajaan .

¹⁰² Wawancara Ustazah Nafisah Chapakiyah (Penolong Guru Besar Bahagian Pelajar Perempuan) pada 14.10.2001.

3.2.5 Aliran Agama mengandungi 3 tahap pengajian iaitu:

1. *Ibtidā'i*
2. *Mutawassit*
3. *Thanawī'*

Berikut dikemukakan Senarai Mata Pelajaran bagi setiap tahap mengikut peruntukan masa yang ditetapkan adalah sebagai berikut:

JADUAL 1

Tahap Ibtidā'i

Mata Pelajaran	Tahun pengajian / peruntukan masa dalam seminggu				Perhatian
	1	2	3	4	
<u>Bahagian Bahasa Arab</u>					
<i>al-Imlā'</i>	2	1	1	1	
<i>al-Qirāah</i>	3	2	2	2	
<i>al-Kitābah</i>	1	1	1	1	
<i>al-Insyā'</i>	2	1	1	1	
<i>al-Muhadathāh</i>	2	2	2	2	
<i>Qawa'id al-Lughah</i>	-	4	4	4	
<u>Bahagian Agama</u>					
<i>al-Tawhid</i>	3	2	2	2	
<i>al-Fiqh</i>	3	3	3	3	
<i>al-akhlāq</i>	2	1	1	1	
<i>al-hadīth</i>	-	2	2	2	
<i>al-Tarīkh</i>	2	1	1	1	
<i>al-Tafsīr</i>	-	2	2	2	
<i>al-Qur'ān wa al-Tajwid</i>	5	3	3	3	
Jumlah	25	25	25	25	

Sumber Rujukan : Laporan Penilaian Kualiti dan Prestasi Sekolah; h.10

JADUAL 2

Tahaap Mutawassit

Mata Pelajaran	Tahap pengajian / Masa pengajian dalam seminggu			Perhatian
	1	2	3	
<u>Bahagian Bahasa</u>				
Bahasa Arab				
<i>al-Muṭāla'ah</i>	1	1	1	
<i>al-Insyā'</i>	2	2	2	
<i>al-Mahfūzāt</i>	1	1	1	
<i>Qawa'id al-Lughah (Nahw wa Ṣarf)</i>	3	3	3	
<i>al-Balaghah</i>	2	2	2	
Bahasa Melayu				
<i>al-Qira'ah wa al-Insya'</i>	2	2	2	
<u>Bahagian Agama</u>				
<i>al-Tawḥīd</i>	2	2	2	
<i>al-khlāq wa al-Tasawwuf</i>	1	1	1	
<i>al-Hadīth</i>	2	2	2	
<i>Mustalah al-hadīth</i>	1	1	1	
<i>al-fiqh</i>	2	2	2	
<i>Uṣūl al-fiqh</i>	1	1	1	
<i>al-Farā'īd</i>	1	1	1	
<i>Usūl al-tafsīr</i>	1	1	1	
<i>al-tafsīr</i>	2	2	2	
<i>al-tārīkh</i>	1	1	1	
Jumlah	25	25	25	

Sumber Rujukan : Laporan penilaian Kualiti dan Prestasi Sekolah; Madrasah al-Rahmaniah, h. 11.

JADUAL 3

Tahap Thanawi

Pelajaran	Jumlah masa dalam seminggu					
	1 Tha		2 Tha		3 Tha	
	Wa	Pi	Wa	Pi	Wa	Pi
<u>Bahagian Agama</u>						
<i>al-Qur'ān</i>	4 atau 3	-	4 atau 3	-	4 atau 3	-
<i>al-Hadīth</i>	2	2	2	2	2	-
<i>al-Fiqh</i>	2	6	2	8	2	7
<i>al-Falsafah</i>	1	3	-	4	-	5
<u>Bahagian Bahasa</u>						
Bahasa Arab	6	10	4	10	4	10
Bahasa Melayu	-	2	-	2	-	2
Bahasa Inggeris	-	2	-	2	-	2
<u>Bahagian Ilmu sosial</u>	2	5	2	8	3	8
	17atau15	13atau15	14atau12	16atau18	14atau13	16atau17
Jumlah	30		30		30	

Sumber Rujukan : Laporan Penilaian Kualiti dan Prestasi Sekolah ; Madrasah al-Rahmaniah, h. 12.

Mata-mata pelajaran tersebut terbahagi pula kepada beberapa bahagian seperti berikut;

1. Bahagian agama

1.1 Pengajian al-Qur'an

Mencakupi mata pelajaran tafsir, dan *usūl al-tafsīr*

1.2 Pengajian al-Hadith

Mencakupi mata pelajaran hadith dan *mustalāh hadīth*

1.3 Pengajian *al-fiqh al-Islāmī*

Merangkumi pelajaran fekah, *usūl al-fiqh*, *al-qāwā'id al-fiqhiyyah*, *tarīkh al-tasyri'*, *hikmah al-tasyrif*, dan *al-fiqh al-muqarin*.

1.4 Pengajian falsafah al-Islamiah

Merangkumi pelajaran *al-tauhid*, *al-falsafah al-Islāmiyyah*, dan *al-manfiq*.

2. Bahagian Bahasa

2.1 Pengajian bahasa Arab

Merangkumi pelajaran bahasa Arab, *qawā'id al-lughah*, *al-Balāghah*, *al-adāb wa al-nusūs*, al-tarjamah, dan *al-Insyā'*

2.2 Pengajian bahasa Melayu

2.3 Pengajian bahasa Inggeris

Merangkumi pelajaran bahasa Inggeris, grammar dan conversation.

3. Bahagian Ilmu Sosial

Merangkumi pelajaran al-tarikh al-Islami, tamadun Islam, ilmu jiwa, ilmu masyarakat, ilmu falak, pengantar ekonomi, dan kaedah mengajar..¹⁰³

¹⁰³ Laporan Tentang Pemeriksaan Kualiti dan Martabat Sekolah; Madrasah al-Rahmaniah , Patani, h. 13.

3.2.6 Skim Pemarkahan dan Pangkat

Markah peperiksaan dinilai menurut peringkat kelulusan seperti berikut;

No	Pangkat	Peratus (%)
1	Cemerlang (ممتاز)	90 % - 100%
2	Terbaik (جيد جدا)	80 % - 89 %
3	Baik (جيد)	67 % - 79 %
4	Lulus (مقبول)	50 % - 66 %

3.2.7 PENGAJIAN AL-QUR'AN DI SEKOLAH MENENGAH AGAMA MADRASAH AL- RAHMANIAH.

Pengajian al-Qur'an di Madrasah al-Rahmaniah tidak hanya terikat kepada peruntukan masa secara rasmi seperti mana dinyatakan dalam kurikulum di atas malah ia dijalankan secara tidak rasmi pada setiap malam dan pagi selepas solat magrib dan subuh. Pengajian al-Qur'an dibahagikan kepada beberapa mata pelajaran lain seperti *tilawah, tajwid, tafsir*, dan *usul al-Tafsir*.

3.2.8 MATALAMAT PENGAJIAN AL-QUR'AN DI MADRASAH AL- RAHMANIAH

Matlamat pengajian al-Qur'an adalah untuk membolehkan murid-murid menguasai kemahiran membaca, memahami al-Qur'an, dan dapat mengamalkannya dalam kehidupan harian. Pengajian al-Qur'an di madrasah ini merupakan sebahagian daripada mata pelajaran wajib ¹⁰⁴

3.2.9 Tujuan Umum Bagi Pengajian al-Qur'an

- 1) Mengenal huruf-huruf al- al-Qur'an
- 2) Boleh menyebut huruf-huruf al-Qur'an dengan betul dan jelas mengikut *makhraj* dan sifat-sifatnya.
- 3) Boleh membaca ayat-ayat al-Qur'an
- 4) dengan betul dan fasih mengikut hukum tajwid
- 5) Boleh membaca al-Qur'an dengan suara dan lagu yang baik
- 6) Memahami maksudnya
- 7) Mengambil pengajaran dan iktibar daripada peristiwa dalam kisah-kisah al-Qur'an
- 8) Mengamalkan suruhan dan menjauhi larangan al-Qur'an
- 9) Menghayati ajaran dan akhlak al-Qur'an dalam setiap tindakan
- 10) Menghafaz ayat-ayat al-Qur'an
- 11) Mengajar al-Qur'ān berdasarkan kepada sabda Nabi s.a.w. yang bermaksud: (sebaik-baik kamu ialah orang yang belajar dan mengajar al-Qur'an.)¹⁰⁵

¹⁰⁴ Wawancara dengan Syaikh Hj Abdul Rahman bin Abdul Latif pada 13.10.2001.

¹⁰⁵ -. Buku Panduan Khas Kurikulum, Madrasah al-Rahmaniah; Pelajaran al-Qur'an,(2000), Patani, h. 4.

Objektif Jangka Pendek ialah;

1. Mengenal huruf-huruf Hija'iyyah, baris-baris,membaca dan menghafal ayat-ayat al-Qur'an
2. Membaca ayat-ayat al-Qur'an dengan betul, fasih dan *tartil*, mengikut hukum-hukum bacaannya.
3. Menghafal sebahagian daripada ayat-ayat al-Qur'an, supaya dapat digunakan dalam ibadat sembahyang.
4. Memahami isi kandungan al-Qur'an yang dipelajari

Objektif Jangka Panjang ialah;

1. Membina generasi yang beriman dan berilmu berteraskan al-Qur'an dan al-Sunnah.
2. Menghidupkan sunnah Rasul s.a.w dalam kehidupan umat.
3. Melaksanakan kewajipan dakwah dengan kekuatan ilmu.
4. Dakwah manusia kepada Islam yang berdasarkan akidah dan syari'at Rasulullah s.a.w .
5. Menghayati konsep persaudaraan Islam berdasarkan *f'iṣām bi habl Allah*.¹⁰⁶

KAEDAH PENGAJIAN DAN PEMBELAJARAN AL-QUR'AN

Berkaitan dengan kaedah pengajaran dan pembelajaran al-Qur'an yang digunakan di Madrasah al-Rahmaniah adalah meliputi kaedah *tilawah*, dan hafalan (*talaqqī*, *musyāfahāt*, dan *fāṣīḥ*). Dengan cara membaca dan menghafal ayat-ayat yang mudah kepada yang payah. Pada peringkat Menengah /Thanawi, pengajian al-Qur'an ditambah dengan usaha

¹⁰⁶ Risalah al-Syukr wa al-Nasihah; Majlis al-'Im , (1996), Patani, sahabat press. h. 2.

memupukkan semangat cintakan al-Qur'an dan mempelajari serta mengamalkan ajarannya.¹⁰⁷

¹⁰⁷ Wawan cara dengan Ustaz Che Useng capakia pada 13.10.2001.